

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

Logo reveal adalah teknik dalam reka bentuk grafik dan video yang digunakan untuk memperkenalkan logo sesebuah jenama dengan cara yang menarik dan kreatif. Biasanya, logo ditampilkan melalui animasi, kesan visual, atau peralihan yang menonjolkan identiti jenama tersebut. *Logo reveal* sering digunakan dalam iklan, video pembuka, atau kandungan media sosial untuk menarik perhatian dan memperkukuh penjenamaan.

CLO 3

Anda ditugaskan untuk menghasilkan **satu (1)** video kesan khas **Logo reveal** menggunakan konsep **motion graphics** dengan teknik yang bersesuaian. Anda bebas memilih reka bentuk logo yang akan digunakan. Video kesan khas yang akan dihasilkan hendaklah tidak menyentuh sensitiviti sesuatu syarikat atau jenama produk. Durasi video yang akan dihasilkan perlu bersesuaian antara 10 hingga 15 saat.

Anda perlu menghantar hasil akhir video dengan menggunakan format video .mp4. Saiz video adalah 1920px X 1080px dengan saiz frame 25fps-30fps. Hasil akhir perlu dimuat naik video ke akaun media sosial anda. Hantar pautan video kepada pensyarah pada tempoh masa yang telah ditetapkan. Proses menghasilkan video ini perlu berpanduan kepada kriteria-kriteria berikut:

a) Pra Produksi. (P2)

- i. Tunjukkan idea dalam bentuk *moodboard*.

(4 markah)

- ii. Tunjukkan *treatment* (Jalan Cerita) berdasarkan kepada idea yang telah dipilih.

(4 markah)

- iii. Pamerkan *storyboard* mengikut format yang telah ditetapkan.

(4 markah)

b) Produksi. (P3)

- i. Pamerkan elemen video , foto, tipografi , grafik, ilustrasi dan elemen visual lain yang diperlukan.

(4 markah)

- ii. Hasilkan animasi pada elemen asas *motion graphic* menggunakan teknik bersesuaian.

(4 markah)

- iii. Aplikasi secara keseluruhan mengikut rekabentuk dan gaya visual berdasarkan idea yang telah dipilih.

(4 markah)

- iv. Pamerkan klip audio (suara, suara latar, muzik dan kesan bunyi) yang bersesuaian.

(4 markah)

- v. Susun klip audio (suara, suara latar, muzik dan kesan bunyi) yang bersesuaian.

(4 markah)

c) Pasca Produksi. (P3)

- i. Pamerkan media pada *layers*.

(4 markah)

- ii. Susun media pada *layers*.

(4 markah)

- iii. Pamerkan gabungan (komposit) *layers*.

(4 markah)

- iv. Tunjukkan penggunaan *layers properties*.
(4 markah)
 - v. Tunjukkan penggunaan animasi pada *layers properties*.
(4 markah)
 - vi. Aplikasikan *effect* yang bersesuaian.
(4 markah)
 - vii. Aplikasikan *transition* yang bersesuaian.
(4 markah)
- d) Hasil Akhir. (P2)
- i. Tunjukkan format video akhir berdasarkan kriteria ditetapkan.
(4 markah)
 - ii. Pindahkan video pengiklanan ke dalam media sosial berdasarkan kriteria ditetapkan.
(4 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab